

7.0 AYAT PERTAMA DAN TERAKHIR TURUN

Perbahasan tentang ayat pertama dan terakhir turun hanya merujuk kepada riwayat-riwayat yang bersumber daripada sahabat dan tabi'in. Ia tidak boleh ditentukan berdasarkan pemikiran akal manusia kecuali untuk mentarjih riwayat-riwayat atau untuk menggabungkan antara riwayat yang secara zahirnya kontradiktif.

7.1 HIKMAH MENGETAHUI AYAT PERTAMA DAN TERAKHIR TURUN

Kajian ini mempunyai beberapa hikmah penting:

1. Dapat mengetahui nasikh Mansukh ayat. Apabila ada dua ayat atau lebih dalam al-Quran, sebahagiannya menjelaskan hukum yang berbeza dengan ayat yang lainnya. Pada masa yang sama tidak mungkin untuk menggabungkan ayat-ayat tersebut. Jika keadaannya demikian, maka ayat yang turun lebih akhir sudah menasakh (nasikh) kepada ayat yang turun sebelumnya (Mansukh).
2. Dapat mengetahui sejarah pensyariat Islam. Misalnya, orang yang mengkaji penurunan ayat-ayat al-Quran dia akan tahu bahawa solat difardukan ketika Nabi SAW masih tinggal di Makkah, sebelum hijrah ke Madinah. Manakala zakat, puasa dan jihad difardukan pada tahun yang kedua selepas hijrah. Ibadat haji pula difardukan pada tahun yang ke enam hijrah atau menurut pendapat lain pada tahun yang ke Sembilan hijrah. Dengan demikian kita dapat mengetahui tertib susunan pensyariat. Kita boleh berkata, yang pertama disyariatkan adalah solat, kemudian zakat, puasa dan jihad, kemudian haji.
3. Dapat membantu dalam mentafsirkan al-Quran dengan benar dan mengeluarkan hukum daripada suatu ayat.

4. Dapat mengetahui tahadapan-tahadapan suatu pensyariaan dan di mana di syariatkan.
5. Dapat mengetahui sejarah Nabi SAW dan tertib susunannya berdasarkan penceritaan al-Quran.

7.2 AYAT YANG PERTAMA TURUN

Para ulama mempunyai banyak pandangan tentang ayat apa yang pertama diturunkan. Setidaknya dalam hal ini ada empat pendapat:

1. Awal surah al-Alaq

Iaitu:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ، خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ، اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ، الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ، عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ.

Pendapat pertama ini berdalil dengan hadis riwayat imam Bukhari daripada Aisyah r.a:

أَنَّ عَائِشَةَ زَوْجَ النَّبِيِّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- أَخْبَرَتْهُ أَنَّهَا قَالَتْ كَانَ أَوَّلُ مَا بُدِئَ بِهِ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- مِنَ الْوَحْيِ الرَّؤْيَا الصَّادِقَةَ فِي النَّوْمِ فَكَانَ لَا يَرَى رُؤْيَا إِلَّا جَاءَتْ مِثْلَ فَلَقِ الصُّبْحِ ثُمَّ حُبِّبَ إِلَيْهِ الْخَلَاءُ فَكَانَ يَخْلُو بَعَارِ حِرَاءٍ يَتَحَنَّنُ فِيهِ - وَهُوَ التَّعْبُدُ - اللَّيَالِي أُولَاتِ الْعَدَدِ قَبْلَ أَنْ يَرْجِعَ إِلَى أَهْلِهِ وَيَتَزَوَّدَ لِذَلِكَ ثُمَّ يَرْجِعُ إِلَى خَدِيجَةَ فَيَتَزَوَّدُ لِمِثْلِهَا حَتَّى فَجِئَهُ الْحَقُّ وَهُوَ فِي غَارِ حِرَاءٍ فَجَاءَهُ الْمَلَكُ فَقَالَ اقْرَأْ. قَالَ « مَا أَنَا بِقَارِئٍ - قَالَ - فَأَخَذَنِي فَعَطَّنِي حَتَّى بَلَغَ مِنِّي الْجَهْدَ ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ اقْرَأْ. قَالَ قُلْتُ مَا أَنَا بِقَارِئٍ - قَالَ - فَأَخَذَنِي فَعَطَّنِي الثَّانِيَةَ حَتَّى بَلَغَ مِنِّي الْجَهْدَ ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ اقْرَأْ. فَقُلْتُ مَا أَنَا بِقَارِئٍ فَخَذَنِي فَعَطَّنِي الثَّالِثَةَ حَتَّى بَلَغَ مِنِّي الْجَهْدَ ثُمَّ أَرْسَلَنِي. فَقَالَ (اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ)

Maksudnya:

Daripada Aisyah r.a: wahyu yang pertama turun kepada Nabi SAW adalah mimpi yang benar dalam tidur, baginda tidak melihat dalam mimpi itu melainkan dalam datang seperti cahaya pagi. Selepas itu baginda suka mengasingkan diri dan baginda memilih mengasingkan diri ke gua Hira' dengan melakukan ibadat dalam beberapa malam, tidak balik kepada ke isterinya. Untuk itu baginda membawa bekalan. Selepas itu baginda kembali kepada Khadijah untuk mengambil bekal seumpunya, sehingga datang kepada baginda kebenaran (wahyu), iaitu ketika berada di gua Hira'. Malaikat datang kepadanya, lalu berkata, 'Bacalah' Nabi menjawab, 'Aku tidak pandai membaca'. Nabi menceritakan, 'Maka aku ditarik dan dipeluknya sehingga aku kepayahan. Lalu aku dilepaskannya dan disuruh membaca. Malaikat berkata 'Bacalah'. Aku menjawab 'Aku tidak pandai membaca.' Maka aku ditarik dan dipeluknya sehingga aku kepayahan. Lalu aku dilepaskannya dan disuruh membaca. 'Bacalah'. Aku menjawab 'Aku tidak pandai membaca.' Maka aku ditarik dan dipeluknya untuk kali ketiga. Kemudian aku dilepaskan seraya ia berkata, 'Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menjadikan. Yang menjadikan manusia dari segumpal darah. Bacalah! Demi Tuhanmu yang Maha Mulia. (HR Bukhari).

2. Surah al-Muddaththir

Pendapat kedua ini berdasarkan kepada hadis riwayat Bukhari dan Muslim daripada Abu Salamah bin Abdurrahman bin Auf:

سَمِعْتُ يَحْيَى يَقُولُ سَأَلْتُ أَبَا سَلَمَةَ أَيُّ الْقُرْآنِ أَنْزَلَ قَبْلُ قَالَ يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ. فَقُلْتُ أَوْ أَقْرَأُ. فَقَالَ سَأَلْتُ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ أَيُّ الْقُرْآنِ أَنْزَلَ قَبْلُ قَالَ يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ. فَقُلْتُ أَوْ أَقْرَأُ قَالَ جَابِرٌ أَحَدْتُكُمْ مَا حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- قَالَ « جَاوَرْتُ بِحِرَاءِ شَهْرًا فَلَمَّا قَضَيْتُ جَوَارِي نَزَلَتْ فَاسْتَبَطَنْتُ بَطْنَ الْوَادِي فَنُودِيتُ فَنظَرْتُ أَمَامِي وَخَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي فَلَمْ أَرَ أَحَدًا ثُمَّ نُودِيتُ فَنظَرْتُ فَلَمْ أَرَ أَحَدًا ثُمَّ نُودِيتُ فَرَفَعْتُ رَأْسِي فَإِذَا هُوَ عَلَى الْعَرْشِ فِي الْهَوَاءِ - يَعْنِي جَبْرِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ - فَأَخَذَنِي رَجْفَةً شَدِيدَةً فَأَتَيْتُ حَدِيجَةَ فَقُلْتُ دَثْرُونِي. فَدَثْرُونِي فَصَبُّوا عَلَيَّ مَاءً فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ (يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ قُمْ فَأَنْذِرْ وَرَبِّكَ فَكَبِّرْ وَتَيَّابُكَ فَطَهِّرْ) »

Maksudnya;

Yahya berkata: Aku pernah bertanya kepada Abu Salamah, bahagian manakah dari al-Quran yang pertama kali turun? Ia pun menjawab, *yaa ayyuhal muddaththir*. Aku berkata, bukan kah *iqra*? Abu Salamah pun berkata: Aku pernah bertanya kepada Jabir bin Abdullah, 'Bahagian al-Qur`an yang manakah yang pertama kali turun? Maka ia menjawab, *ya `ayyuhal muddatstsir*.' AKu berkata, bukan kah *iqara*?'. Jabir berkata, aku tidak akan mengkhabarkan kepadamu kecuali dengan sesuatu yang telah dikatakan oleh Rasulullah SAW. Rasulullah bersabda: Aku berdiam diri di gua Hira`. Selepas itu, aku pun turun dan menelusuri lembah, tiba-tiba aku mendengar seseorang memanggilku, maka aku pun menoleh ke depan, ke arah belakang, ke samping kanan dan juga ke kiri tetapi aku tidak melihat seorang pun. Kemudian aku dipanggil lagi dan aku tidak melihat seseorang pun, kemudian aku dipanggil lagi dan aku mengangkat kepalaku dan saat itu aku lihat Jibril di atas Arash. Kemudian aku ketakutan yang amat sangat, oleh itu aku mendatangi Khadijah dan aku berkata, selimuti aku, dan Khadijah pun menyelimuti aku. Mereka menuangkan air untukku. Pada saat itu lah Allah SWT menurunkan surah al-Muddaththir (HR Muslim).

Dari dua pendapat yang telah disebutkan di atas, pendapat paling benar adalah pendapat pertama, iaitu ayat yang pertama turun kepada Nabi SAW adalah awal surah al-Alaq. Lalu bagaimana dengan ahdis Jabir di atas? Al-Qattan menjelaskan, hadith Jabir di atas menjelaskan surah yang pertama turun secara sempurna adalah surah al-Muddaththir sebelum surah al-Alaq turun semuanya. Ini kerana surah al-Alaq yang turun kali pertama hanya 5 ayat sahaja. Pandangan ini telah dikuatkan hadis daripada Jabir r.a juga dalam sahih Bukhari:

عن جابر قال: سمعت رسول الله -صلى الله عليه وسلم- وهو يُحدِّث عن فترة الوحي فقال في حديثه: "بينما أنا أمشي سمعت صوتاً من السماء فرفعت رأسي فإذا الملك الذي جاءني بحراء جالس على كرسي بين السماء والأرض، فرجعت، فقلت: زملوني، فدثروني"، فأُنزل الله: {يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ}

Maksudnya:

Jabir berkata: aku mendengar Rasulullah SAW ketika baginda menceritakan tentang *fatrah al-wahy* (masa wahyu tidak turun). Baginda berkata: ketika aku sedang berjalan, aku mendengar suara daripada langit lalu aku mengangkat kepalaku, tiba-tiba malikat yang datang kepadaku di gua Hira' duduk di atas kursi di antara langit dan bumi, maka aku pun kembali dan bekrta: selimuti aku, maka mereka menyelimutiku. Selepas itu Allah SWT menurunkan surah al-Muddaththir (HR Bukhari).

Hadis di atas ini menunjukkan bahawa kisah penurunan surah al-muddaththir turun selepas kisah di gua Hira' atau dapat juga difahami bahawa surah pertama turun selepas terhentinya wahyu adalah surah al-Muddththir. Al-Zarkashi menyebutkan, kebanyakan ulama menyatukan antara hadis Aisyah dan jabir, dengan berkata bahawa Jabir mendengar Nabi SAW menceritakan tentang permulaan wahyu dan beliau hanya mendengar bahagian akhirnya, manakala bahagian awal Jabir tidak dengar. Oleh itu, Jabir menyangka bahawa surah yang pertama turun adalah al-Muddaththir.

Dari penjelasan di atas Dr. Fahd menyimpulkan:

1. Yang dimaksudkan dalam hadis Jabir adalah surah yang pertama turun selepas *fatrah al-wahyu* (masa terhentinya wahyu), bukan surah yang paling awal sekali turun kepada Nabi SAW.
 2. Surah yang pertama turun untuk *nubuwwah* Nabi SAW adalah surah al-Alaq, manakala untuk risalah atau kerasulan Nabi SAW adalah surah al-Muddaththir.
 3. Al-Muddaththir turun secara sempurna, manakala surah al-Alaq turun hanya permulaan sahaja, sisanya turun kemudian.
 4. Surah al-Muddaththir adalah surah yang pertama kali turun dengan sebab yang khusus, manakala surah al-Alaq turun tanpa sebab yang khusus.
 5. Jabir menyebutkan surah al-Muddaththir yang pertama turun berdasarkan ijtihad beliau, hadis Aisyah sepatutnya didahulukan. Jabir tidak mendengar semua cerita Rasulullah SAW tentang penurunan wahyu.
 6. Dalam hadis Jabir r.a disebutkan bahawa Nabi SAW sudah pernah melihat malikat Jibril sebelum, sebelum baginda melihatnya kembali di Arash.
3. Pendapat ketiga mengatakan ayat yang pertama turun adalah surah al-Fatiha
 4. Pendapat keempat mengatakan ayat yang pertama turun adalah *basmalah* kerana setiap *basmalah* sentiasa mendahului setiap surah.

Tentang pendapat ketiga dan keempat di atas al-Qattan mengatakan, hadis-hadis yang menjelaskan tentangnya adalah hadis *mursal* yang merupakan bahagian daripada hadis yang lemah. Oleh kerana itu ayat yang pertama turun adalah surah al-Alaq berdasarkan hadis Aisyah r.a dalam riwayat imam Bukhari.

7.3 AYAT YANG TERAKHIR TURUN

Ulama berbeza pendapat tentang ayat al-Quran yang terakhir turun:

1. Al-Baqarah ayat 278

Pendapat pertama ini adalah riwayat daripada Umar bin Khattab r.a dan Ibn Abbas r.a, bahawa ayat al-Quran yang terakhir turun adalah ayat tentang riba al-Baqarah 278:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman.

Dalil yang mengatakan pendapat ini adalah hadis riwayat imam Bukhari daripada Sa'id bin Musayyab, Umar bin Khattab berkata:

ان آخر ما نزل من القرآن آية الربا وان رسول الله صلى الله عليه وسلم قبض ولم يفسرها فدعوا الربا

Maksudnya:

Sesungguhnya yang terakhir turun daripada al-Quran adalah ayat riba dan sesungguhnya Rasulullah SAW wafat dan tidak mentafsirkannya, maka kamu jauhilah riba (HR Bukhari).

Ibn Abbas juga meriwayatkan:

آخر آية نزلت على النبي صلى الله عليه وسلم آية الربا

Maksudnya;

Ayat terakhir yang diturunkan kepada Nabi SAW adalah ayat tentang riba (HR. Bukhari).

2. Al-Baqarah 281

وَأَتَّقُوا يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

Maksudnya:

Dan peliharalah diri kamu dari huru-hara hari (kiamat) yang padanya kamu akan dikembalikan kepada Allah. Kemudian akan disempurnakan balasan tiap-tiap seorang menurut apa yang telah diusahakannya, sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun.

Dalil pendapat kedua ini adalah riwayat imam Nasa'i dan Baihaqi daripada Ikrimah, daripada Ibn Abbas:

أَخِيرُ شَيْءٍ نَزَلَ مِنَ الْقُرْآنِ: (وَأَتَّقُوا يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللَّهِ) الْآيَةَ.

Maksudnya:

Yang terakhir sekali turun daripada al-Quran adalah surah al-Baqarah ayat 281 (HR al-Nasa'i).

3. Al-Baqarah ayat 282

Pendapat ketiga ini mengatakan bahawa ayat yang terakhir turun adalah ayat tentang hutang yang terdapat dalam surah al-Baqarah ayat 282:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ... الْآيَةَ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya).

Pendapat ini berdasarkan riwayat daripada Said bin Jubair, bahawa telah sampai kepada beliau:

أن أحدث القرآن عهداً بالعرش آية الدين

Maksudnya:

Sesungguhnya al-Quran yang terakhir sekali meninggalkan Arsy adalah ayat tentang hutang.

Tiga pendapat tentang ayat yang terakhir turun di atas sebenarnya tidak saling bertentangan, jika kita mengkajinya lebih dalam. Sebenarnya tiga pendapat di atas satu pendapat yang sama:

1. Ayat-ayat tersebut saling berurutan dalam surah al-Baqarah, ayat 278, 281 dan 282. Setiap periwayat hanya menyebutkan sebahagiannya sahaja.
2. Ibn Abbas meriwayatkan bahawa ayat yang terakhir turun adalah al-Baqarah ayat 281, pada masa yang sama beliau juga meriwayatkan bahawa ayat yang terakhir turun surah al-Baqarah 278, ayat tentang riba. Mengambil kedua-dua riwayat ini lebih utama daripada membuang salah satunya.
3. Imam al-Suyuti telah menggabungkan tiga pendapat di atas. Menurut beliau, riwayat-riwayat di atas tidak saling bertentangan antara pendapat yang mengatakan ayat terakhir adalah ayat riba (al-Baqarah 278), ayat taqwa (al-Baqarah 281) dan ayat hutang (al-Baqarah 282). Ini kerana zahir ayat –ayat itu turun sekaligus sepertimana susunannya dalam al-Quran. ini juga kerana menceritakan kisah yang sama. Oleh itu ketiga-tiga pendapat itu sah dan dapat diterima.
4. Ayat yang terakhir turun adalah tentang waris *kalalah* surah al-Nisa' ayat 176:

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ إِنَّ أَمْرُهُ هَلَكَ لَيْسَ لَهُ وَلَدٌ وَلَهُ أُخْتٌ فَلَهَا نِصْفُ مَا تَرَكَ وَهُوَ يَرِثُهَا
 إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهَا وَلَدٌ فَإِنْ كَانَتَا اثْنَتَيْنِ فَلَهُمَا الثُّلُثَانِ مِمَّا تَرَكَ وَإِنْ كَانُوا إِخْوَةً رِجَالًا وَنِسَاءً فَلِلَّذَكَرِ مِثْلُ حَظِّ
 الْأُنثَىٰ يَبِينُ اللَّهُ لَكُمْ أَنْ تَضِلُّوا وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya:

Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (Wahai Muhammad mengenai masalah Kalaalah). Katakanlah: "Allah memberi fatwa kepada kamu di dalam perkara Kalaalah itu, yaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh si mati; dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula saudara perempuannya itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang di tinggalkan oleh si mati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan". Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Pendapat keempat ini berdalil dengan hadis riwayat Bukhari daripada Bara' bin Azib r.a:

آخر سورة نزلت براءة وآخر آية نزلت {يستفتونك}.

Maksudnya:

Surah terakhir turun adalah surah Bara'ah/ al-Tawbah dan ayat terakhir turun adalah *yastaftunaka* (al-Nisa'ayat 176).

Menurut al-Rumi dan juga disebutkan Ibn Hajar, bahawa maksud riwayat hadis di atas adalah ayat yang terakhir turun berkaitan dengan hukum waris pembahagian harta pusaka. Bukan sebagai ayat terakhir turun kepada Nabi SAW secara mutlak.

Selain pendapat-pendapat di atas masih banyak pendapat yang lain. antara yang paling masyhur adalah surah al-Maidah ayat 3:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya:

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.

Ayat ini bukan lah ayat yang terakhir turun kepada baginda SAW, bahkan selepas ayat ini turun masih ada lagi ayat-ayat yang turun kepada baginda SAW. surah al-Maidah ayat 3 di atas turun kepada Nabi SAW ketika sedang berkhotbah pada hari Arafah ketika baginda melaksanakan haji terakhir pada tahun yang ke 10 hijrah. Tepatnya hari Jumaat 9 Zulhijjah, tahun 10 Hijrah. Manakal Rasulullah SAW diwafatkan pada hari Isnin, bulan Rabiul Awal, tahun 11 Hijrah. Oleh itu jarak ayat al-Maidah ayat 3 turun dengan kewafatan baginda SAW lebih kurang 81 hari. Manakala surah al-Baqarah ayat 281, turun kepada baginda SAW 9 malam sebelum kewafatan baginda. Dengan demikain surah al-Maidah ayat 3, bukan lah ayat yang terakhir turun kepada baginda SAW.

Para ulama pun menjelaskan apa maksud firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 3, yang mengatakan bahawa Allah SWT telah sempurnakan agama:

1. Ibn Jarir menyebutkan riwayat daripada Ibn Abbas, maksud firman Allah SWT “Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu” adalah Allah SWT mengkhabarkan kepada orang-orang beriman bahawa iman mereka telah sempurna, tidak ditambah lagi kerana Allah SWT telah sempurnakan, maka tidak akan berkurang selama-lamanya. Manakala maksud firman Allah SW “Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu” adalah, dulu orang musyrik ikut sekali berhaji. Namun apabila surah al-Tawbah turun orang-orang musyrikpun sudah tidak ikut lagi melaksanakan ibadah haji. Oleh itu, telah sempurna nikmat.
2. Yang dimaksudkan dengan kesempurnaan agama adalah sempurnanya ibadah haji “pada hari ini aku sempurnakan haji kamu” maka orang-orang musyrik tidak ikut berhaji bersama kamu.
3. Yang dimaksudkan dengan kesempurnaan agama adalah tigginya kalimah dan zahirnya agama Islam ke atas semuanya. Ketika haji wada’ telah terzahir agama Islamdan tinggi kalimat-kalimahnyanya.

Ibn Jarir mengatakan: pendapat yang paling utama adalah Allah SWT mengkhabarkan kepada NabiNya dan orang-orang beriman bahawa Allah SWT telah menyempurnakan bagi mereka agama mereka dengan bersendirinya mereka di tanah haram mengerjakan ibadah haji, tanpa ada orang-orang musyrik.